

Pakej Gaji dan Penyelesaian Perbankan CIMB@Work
Terma-Terma dan Syarat-Syarat

Definisi

“**CIMB**” ertinya secara kolektif CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872], mengikut mana yang berkenaan.

1. Am

- 1.1 Terma-Terma dan Syarat-Syarat (“**Terma-Terma dan Syarat-Syarat**”) Pakej Gaji dan Penyelesaian Perbankan CIMB@Work (“**Pakej**”) ini hendaklah dibaca bersama dengan surat tawaran CIMB bagi Pakej yang dikeluarkan kepada anda termasuk sebarang perubahan, pindaan atau tambahan seterusnya yang mungkin dari semasa ke semasa dikeluarkan dan/atau dimaklumkan oleh CIMB kepada anda (“**Surat Tawaran**”).
- 1.2 Pakej adalah melalui cara jemputan oleh CIMB kepada anda. Setelah Surat Tawaran ditandatangani oleh anda dan dipulangkan kepada CIMB, ciri, manfaat dan ganjaran di bawah CIMB@Work (“**Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work**”) akan disediakan untuk tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB@Work bagi Pekerja.
- 1.3 “Pelanggan CIMB@Work” ertinya seorang individu yang telah memenuhi syarat kelayakan CIMB@Work yang ditetapkan oleh CIMB dan yang telah diterima oleh CIMB sebagai seorang Pelanggan CIMB@Work.
- 1.4 Untuk layak dipertimbangkan sebagai seorang Pelanggan CIMB@Work oleh CIMB untuk menikmati Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work, pekerja anda mestilah mempunyai gaji bulanannya dikreditkan ke dalam suatu Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i (“CASA/CASA-i”) yang dikekalkan dengan CIMB.
- 1.5 Rekod CIMB atas pekerja anda sebagai Pelanggan CIMB@Work akan dianggap muktamad dan konklusif melainkan terdapat kesilapan nyata.
- 1.6 Sambungan Pakej yang ditawarkan kepada anda adalah diputuskan oleh CIMB dan tertakluk kepada semakan oleh CIMB dari semasa ke semasa.
- 1.7 BusinessHR bermaksud penyelesaian/platform pengurusan sumber manusia jenama bersama yang dicipta oleh CIMB dan rakan kongsi, HREasily Sdn. Bhd. Business HR merupakan suatu platform pengurusan Sumber Manusia berasaskan awan yang terdiri daripada ciri seperti gaji, pengurusan cuti, pengurusan masa dan kehadiran, penyerahan tuntuan dan ciri pengecaman wajah yang menyelaraskan sumber manusia syarikat anda supaya lebih cekap. Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan BusinessHR, anda boleh kunjungi <https://www.cimb.com.my/bizhr>.

2. Ciri, Manfaat dan Kelebihan

- 2.1 Senarai perkhidmatan, manfaat dan/atau kelebihan Pakej yang penuh dan lengkap adalah disediakan untuk dibaca di laman web CIMB di <https://www.cimb.com.my/en/personal/day-to-day-banking/cimb-work.html>.
- 2.2 Perkhidmatan, manfaat dan kelebihan di bawah Pakej adalah tidak boleh dipindah milik.
- 2.3 Perkhidmatan, manfaat dan/atau kelebihan baharu di bawah Pakej mungkin akan diperkenalkan dan/atau ditawarkan oleh CIMB pada bila-bila masa. Perkhidmatan, manfaat dan kelebihan baharu tersebut hendaklah tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 2.4 Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work hendaklah juga tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat mengawal produk atau perkhidmatan berkenaan atau masing-masing. Semua produk, perkhidmatan atau manfaat diperuntukkan sebagai sebahagian Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat mengawal produk atau perkhidmatan masing-masing.
- 2.5 CIMB merizabkan hak, tanpa menanggungkan sebarang liabiliti kepada anda, untuk meminda, mengubah suai, menyemak, menyekat, menamatkan atau mengantung penggunaan oleh anda perkhidmatan, manfaat dan/atau kelebihan yang disediakan kepada anda di bawah Pakej atau menetapkan semula anda kepada apa-apa program/segmen lain secara automatik (“pindahan auto”) dengan memberi anda notis terdahulu yang secukupnya. Penggunaan berterusan oleh anda perkhidmatan, manfaat dan/atau kelebihan yang ditawarkan di bawah Pakej atau program ditetapkan semula hendaklah dianggap sebagai persetujuan anda kepada perkhidmatan, manfaat dan/atau kelebihan yang dipinda, diubah suai, disemak di bawah Pakej dan/atau program/segmen ditetapkan semula.

3. Penamatan

- 3.1 CIMB mempunyai hak untuk menamat, menyekat atau menggantung penggunaan Pakej dan/atau Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work anda dan/atau pekerja anda dalam mana-mana situasi berikut:
- (a) Anda telah memungkiri mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (b) Apabila tiada aktiviti atau transaksi (termasuk tetapi tidak terhad kepada deposit gaji) bagi empat (4) bulan berturut-turut dalam akaun pekerja anda dengan CIMB. Selepas itu CIMB akan mempunyai hak untuk menutup akaun pekerja tersebut dengan CIMB mengikut terma-terma dan syarat-syarat mengawal akaun pekerja anda tersebut;
 - (c) Perletakan jawatan, penamatan atau pemberhentian pekerjaan Pelanggan CIMB@Work yang menyebabkan ketidakterusan gaji bulanan dikreditkan yang dinyatakan di Klausa 3.1(b);
 - (d) Pengeluaran oleh anda dari gaji dikreditan melalui BizChannel@CIMB yang menyebabkan ketidakterusan gaji bulanan dikreditkan seperti yang dinyatakan di Klausa 3.1(b);
 - (e) Sekiranya anda dan/atau sesiapa Orang Berkenaan (seperti yang ditakrifkan di Klausa 5.2) menjadi tertakluk kepada sebarang sekatan, peraturan, embargo atau langkah sekatan yang ditadbir, digubal atau dikuatkuasakan oleh mana-mana pihak berkuasa ("Pihak Kuasa Sekatan") dalam:
 - (i) Amerika Syarikat;
 - (ii) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
 - (iii) negeri-negeri Kesatuan Eropah;
 - (iv) United Kingdom;
 - (v) Malaysia; atau
 - (vi) institusi dan agensi kerajaan masing-masing di mana-mana negara tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pejabat Kawalan Aset Asing, Jabatan Negara Amerika Syarikat, Her Majesty's Treasury dan Bank Negara Malaysia ("Sekatan");
 - (f) Anda dan/atau CIMB telah menerima notis atau menyedari sebarang tuntutan, tindakan, saman, prosiding atau penyiasatan terhadap anda dan/atau Orang Berkenaan yang berkenaan dengan Sekatan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Sekatan;
 - (g) Sekiranya petisyen telah dikemukakan atau sebarang langkah lain telah diambil, untuk manjadikan perintah pentadbiran dilaksanakan terhadap anda atau insolvensi, penggulungan atau pembubaran anda dan/atau mana-mana pemegang saham korporat anda;
 - (h) Sekiranya terdapat sebarang petisyen dikemukakan atau sebarang perintah dilaksanakan, untuk kebankrapan mana-mana pengarah atau pegawai utama anda;
 - (i) CIMB mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat pelanggaran mana-mana undang-undang, undang-undang kecil atau syarat peraturan, arahan atau perintah semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau mana-mana badan lain mempunyai kuasa atau bidang kuasa ke atas CIMB;
 - (j) Apabila penerimaan notis bertulis anda oleh CIMB untuk menamatkan perkhidmatan di bawah Pakej;
 - (k) Apabila penutupan Akaun Semasa Perniagaan/-i CIMB anda mengikut terma-terma dan syarat-syarat mengawal akaun tersebut;
 - (l) Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang bagi CIMB untuk terus menyediakan perkhidmatan di bawah Pakej kepada anda.
- 3.2 Apabila penamatan Pakej dan/atau Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work, anda mestilah berhenti menggunakan perkhidmatan, manfaat dan/atau kelebihan di bawah Pakej dan/atau Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work.
- 3.3 CIMB tidak akan dipertanggungjawab atau bertanggungjawab bagi sebarang kerugian atau ganti rugi yang ditanggung oleh anda dan/atau sebarang ketidakselesaan disebabkan kepada anda atau pekerja anda sebagai akibat ketidakterusan, penamatan atau penggantungan, pelarasian mana-mana ciri, perkhidmatan, manfaat dan/atau kelebihan di bawah Pakej dan/atau Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dan/atau menurut pindahan auto anda di bawah Klausa 2.5, melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuaian melampau atau keingkarang sengaja CIMB.

4. Peruntukan Maklumat

- 4.1 Anda menjamin dan mengakujanji untuk mematuhi semua perundungan dan peraturan terpakai berkenaan dengan perlindungan data, termasuk, tanpa had, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"), dan anda bersetuju supaya tidak melakukan diri sendiri dan memastikan pekerja dan ejen anda tidak melakukan mereka sendiri, dengan cara sedemikian yang menyebabkan CIMB memungkiri kewajipannya sebagai "pengguna data" seperti yang dinyatakan dalam PDPA. Anda bersetuju untuk menanggung rugi CIMB terhadap semua kerugian, kos, perbelanjaan, ganti rugi, liabiliti, tuntutan, saman, tindakan dan porsiding yang CIMB mungkin tanggung akibat kemungkirana klausanya ini.
- 4.2 Tertakluk kepada Klausus 5, anda bersetuju untuk memberikan yang berikut kepada CIMB atas dasar usaha terbaik sekiranya pekerja anda bukan seorang warganegara Malaysia:
- (a) Dengan segera setelah pengemaskini/pembaharuan visa dan/atau pasport kakitangan/pekerja asing anda (secara tahunan atau kekerapan lain yang berkenaan/diperlukan sedemikian), senarai kakitangan/pekerja asing anda dengan nombor pasport dan visa yang dikemaskini/diperbaharui dan tarikh luput bersama dengan sesalinan pasport dan visa yang dikemaskini/diperbaharui di mana anda mesti menentusahkan dan mengesahkan adalah tepat dan lengkap.
 - (b) Suatu surat makluman kepada CIMB untuk sebarang penamat atau pelepasan kakitangan/pekerja asing anda dalam empat belas (14) hari kalender dari tarikh penamat atau pelepasan.

Selepas itu CIMB mempunyai hak untuk menutup akaun kakitangan/pekerja yang telah ditamatkan/dilepaskan mengikut terma-terma dan syarat-syarat mengawal akaun pekerja anda tersebut.

- 4.3 Tertakluk kepada Klausus 5, jika anda memberikan CIMB maklumat peribadi pekerja anda yang berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama pekerja, butiran kad pengenalan, nombor akaun deposit dengan CIMB, nombor kad debit CIMB, butiran gaji, status pekerjaan, pasport dan/atau butiran visa) untuk memudahkan pengkreditan gaji ke dalam akaun pekerja anda dengan CIMB atau untuk tujuan lain menurut Terma dan Syarat ini dengan menggunakan Portal CIMB@Work dan/atau melalui mana-mana saluran yang dibenarkan, peruntukan maklumat peribadi pekerja anda hendaklah dibuat mengikut terma yang mengawal Portal CIMB@Work dan/atau saluran yang dibenarkan.

5. Pendedahan

- 5.1 Anda bersetuju, mengizinkan dan memberi kuasa kepada CIMB untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda, hal ehwal anda dan/atau mana-mana akaun yang anda simpan dengan CIMB kepada orang berikut:-
- (a) mana-mana ejen, sub-kontraktor, penyedia perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/atau penasihat profesional CIMB, di dalam atau di luar Malaysia; dan/atau
 - (b) entiti dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad CIMB ("Syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat Kumpulan tersebut bermastautin, terletak, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia.
- untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan perkhidmatan, faedah dan/atau keistimewaan yang ditawarkan di bawah Pakej atau produk atau perkhidmatan lain dan/atau perkhidmatan berkaitan yang disediakan oleh CIMB dan/atau Syarikat Kumpulan kepada anda.
- 5.2 CIMB juga boleh mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda, hal ehwal anda dan/atau mana-mana akaun yang anda simpan dengan CIMB kepada:
- (a) mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang kepadanya CIMB dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas CIMB sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, permintaan, permintaan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi berpotensi melibatkan CIMB apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
 - (b) mana-mana pihak ketiga yang membuat pertanyaan dengan tujuan untuk memasuki urus niaga prospektif dengan CIMB;
 - (c) mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak yang berpotensi dengannya CIMB sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan pembaharuan hak atau obligasi di bawah terma dan syarat ini;
 - (d) mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang anda minta dan/atau berikan kepada CIMB; dan/atau
 - (e) pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan(-tujuan) seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

Anda bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat anda adalah perlu untuk penyediaan perkhidmatan, faedah dan/atau keistimewaan yang ditawarkan di bawah Pakej atau produk atau perkhidmatan lain daripada CIMB, Syarikat Kumpulan dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan anda untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

- 5.3 Pendedahan oleh CIMB kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) juga mungkin untuk tujuan jualan silang CIMB dan/atau Syarikat Kumpulan dengan syarat bahawa pendedahan untuk tujuan jualan silang tidak akan dilaksanakan jika pendedahan tersebut dibantah oleh anda.

CIMB juga boleh mendedahkan maklumat anda seperti nama dan butiran hubungan (tidak termasuk hal ehwal atau akaun anda) kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi jika persetujuan daripada anda telah diperolehi.

Walau bagaimanapun, anda boleh pada bila-bila masa membatakan atau menarik balik persetujuan yang disebutkan di atas untuk mendedahkan maklumat oleh CIMB kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi CIMB di nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin ditukar oleh CIMB dari semasa ke semasa melalui notis kepada anda): Unit Resolusi Pelanggan, P.O. Box 10338 GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan; Pusat Panggilan No +603 6204 7788, e-mel: cru@cimb.com.

5A. Klausu Privasi (Untuk Orang Individu)

Jika anda sebagai majikan adalah seorang individu (termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilik tunggal, perkongsian perniagaan berdaftar dan persatuan) fasal 5A ini hendaklah terpakai.

- 5A.1 Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan "Notis Privasi Kumpulan CIMB" (yang boleh didapati di www.cimb.com.my) dan klausu di sini, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi anda. Untuk mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap sebagai digabungkan melalui rujukan ke dalam terma dan syarat ini.

- 5A.2 Jika anda memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris dan tanggungan anda, untuk tujuan melanggan atau mengendalikan perkhidmatan, faedah dan/atau keistimewaan yang ditawarkan di bawah Pakej atau produk lain atau perkhidmatan daripada CIMB atau mana-mana pihak ketiga yang lain, anda (a) mengesahkan bahawa anda telah mendapat persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada CIMB dan untuk CIMB menggunakananya menurut terma dan syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk mengemas kini CIMB secara bertulis sekiranya berlaku sebarang perubahan penting kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju dengan hak CIMB untuk menamatkan penyediaan perkhidmatan jika persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.

- 5A.3 Jika anda mengarahkan CIMB untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima pembayaran), butiran yang berkaitan dengan transaksi rentas sempadan (termasuk maklumat yang berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan tugas mereka yang sah (cth. pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan CIMB dan/atau ejen CIMB untuk memasuki mana-mana transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju menerima pendedahan tersebut di atas bagi pihak anda dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.

- 5A.4 CIMB boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sekarang dan/atau pada masa hadapan menjalankan semakan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaporan kredit/semanakan rujukan dengan agensi pelaporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan CIMB memastikan status anda yang mungkin diperlukan untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila CIMB perlu (a) menyemak butiran mengenai permohonan untuk kredit dan berkaitan kredit atau kemudahan lain; (b) mengurus kredit dan akaun atau kemudahan yang berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio anda; memulihkan hutang; dan/atau sebarang tujuan yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan akaun/perkhidmatan/kemudahan di bawah terma dan syarat ini. Anda akan dipautkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang anda gunakan atau telah gunakan, dan mana-mana pemohon bersama dan beberapa. CIMB juga boleh berkongsi maklumat tentang anda dan cara anda menguruskan akaun/perkhidmatan/kemudahan(-kemudahan) anda dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang berkaitan, dan untuk mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit ini untuk mendedahkan maklumat kredit anda kepada pelanggannya untuk tujuan pengesahan penipuan dan pencegahan penipuan.

- 5A.5 Walaupun selepas anda memberikan CIMB sebarang maklumat, anda akan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini, kecuali di mana pendedahan maklumat anda adalah perlu untuk penyediaan perkhidmatan, faedah dan/atau keistimewaan yang ditawarkan di bawah Pakej atau produk atau perkhidmatan lain daripada CIMB dan/atau Syarikat Kumpulan dan/atau perkhidmatan berkaitan atau prestasi kontrak dengan anda untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

- 5A.6 Klausu ini hendaklah tanpa prejudis kepada mana-mana klausu lain dalam terma dan syarat ini yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

5B. Klausus Privasi (Untuk Pelanggan Korporat)

Jika anda sebagai Majikan adalah sebuah perbadanan (termasuk tetapi tidak terhad kepada entiti yang termasuk dalam takrifan "Perbadanan" yang ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Syarikat 2016), fasal 5B ini hendaklah terpakai.

5B.1 Anda dengan ini bersetuju secara tidak boleh ditarik balik dan memberarkan serta mengesahkan bahawa anda telah mendapat kebenaran dan kuasa sewajarnya daripada pengarah, pemegang saham, pekerja, pegawai, penjamin, penyedia keselamatan, rakan kongsi perniagaan, anak syarikat, syarikat bersekutu dan/atau mana-mana orang lain, individu anda, dan/atau entiti yang berkaitan dengan atau dikaitkan dengan anda sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh CIMB (selepas ini dirujuk sama ada secara tunggal atau secara kolektif sebagai "Orang Berkenaan"), untuk CIMB:-

- (a) untuk diberikan maklumat (termasuk maklumat peribadi berkaitan Orang Berkenaan tersebut) sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh CIMB untuk pemprosesan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk untuk digunakan menurut terma dan syarat yang berkaitan dan untuk tujuan pemberian dan penyelenggaraan berterusan perkhidmatan, faedah dan/atau keistimewaan yang ditawarkan di bawah Paket atau produk atau perkhidmatan lain dan/atau perkhidmatan berkaitan yang disediakan oleh CIMB dan/atau Syarikat Kumpulan dan/atau mana-mana pihak ketiga yang lain;
- (b) untuk menjalankan pemeriksaan rujukan yang diperlukan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sekarang dan/atau pada masa hadapan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan rujukan/pelaporan kredit dengan agensi rujukan/pelaporan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan dan untuk memberikan kepada pihak(-pihak) yang tersebut di atas maklumat yang diperlukan yang diminta untuk membolehkan CIMB memastikan status anda dan Orang Berkenaan seperti yang mungkin diperlukan CIMB untuk tujuan pemberian dan/atau penyelenggaraan berterusan perkhidmatan, faedah dan/atau keistimewaan yang ditawarkan di bawah Paket atau produk atau perkhidmatan lain daripada CIMB dan/atau Syarikat Kumpulan, pemulihan hutang yang terhutang di bawah kemudahan/akaun, sebarang tujuan yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan produk dan perkhidmatan di bawah terma dan syarat ini dan/atau untuk sebarang tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan; dan
- (c) untuk mendedahkan maklumat peribadi Orang Berkenaan tersebut kepada kelas pihak yang diterangkan dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my),

mengikut budi bicara CIMB, tanpa merujuk lebih lanjut kepada anda, dan/atau Orang Berkenaan. Anda bersetuju untuk memikul tanggungjawab untuk mengemas kini CIMB secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat kredit peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan Orang Berkenaan tersebut. Walaupun selepas anda memberikan CIMB sebarang maklumat, anda akan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini, kecuali di mana pendedahan maklumat anda dan/atau Orang Berkenaan sedemikian diperlukan untuk penyediaan perkhidmatan, faedah dan/atau keistimewaan. ditawarkan di bawah Paket atau produk atau perkhidmatan lain daripada CIMB dan/atau Syarikat Kumpulan dan/atau perkhidmatan berkaitan atau prestasi kontrak dengan anda untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

5B.2. Klausus ini hendaklah tanpa prejudis kepada mana-mana klausus lain dalam terma dan syarat ini yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

6. Perubahan/Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat

6.1 CIMB boleh mengubah, menambah kepada dan/atau meminda Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dengan memberikan anda notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari bagi perubahan, tambahan atau pindaan tersebut dalam mana-mana satu cara yang berikut:

- (a) melalui penerbitan di cawangan CIMB; atau
- (b) melalui penerbitan atas laman web CIMB di www.cimb.com.my; atau
- (c) melalui e-mel elektronik ("E-Mel") kepada alamat e-mel anda dalam rekod CIMB; atau
- (d) melalui mel biasa kepada alamat anda dalam rekod CIMB; atau
- (e) apa-apa saluran lain yang sesuai untuk pelepasan maklumat tersebut.

Perubahan, tambahan dan/atau pindaan akan dikuatkuasakan pada tarikh dinyatakan dalam notis tersebut.

7. Notis

7.1 Sebarang notis yang perlu diberikan kepada CIMB:

- (a) mestilah secara bertulis;

- (b) ditandatangani oleh anda atau wakil diberi kuasa anda; dan
- (c) akan dikuatkuasakan hanya atas penerimaan oleh, dan dibuktikan dengan pengakuan oleh CIMB; dan/atau
- (d) diberikan melalui saluran yang dibenarkan oleh CIMB.
- 7.2 Notis, pernyata akaun dan komunikasi lain kepada anda akan dihantar melalui mana-mana cara berikut dan dianggap telah diterima dan dihantar kepada anda:
- (a) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh (ke-7) selepas penghantaran (yang boleh melalui cara catatan ke dalam mana-mana pernyata akaun); atau
 - (b) jika dihantar secara peribadi, pada masa penghantaran atau pengiriman; atau
 - (c) jika melalui kurier, dengan serta-merta atas pengakuan anda di nota penghantaran kurier; atau
 - (d) jika dengan sebarang bentuk komunikasi serta-merta kepada wakil diberi kuasa anda (termasuk e-mel, perkhidmatan mesej ringkas (SMS) dan rakaman suara), serta-merta; atau
 - (e) jika dengan penerbitan di laman web CIMB atau di mana-mana cawangan CIMB, pada hari penerbitan.

Ia akan menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa sebarang notis yang dihantar kepada anda atau wakil diberi kuasa anda melalui mana-mana cara yang dinyatakan di atas tidak dibaca atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga. CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan untuk sebarang rasa malu yang disebabkan atau untuk sebarang kerugian atau ganti rugi walau bagaimanapun berbangkit, oleh notis tersebut dibaca dan diakses oleh pihak ketiga.

- 7.3 Anda mestilah memaklumkan kepada CIMB dengan segera jika terdapat sebarang perubahan kepada (i) alamat surat-menyurat; (ii) nombor telefon; (iii) alamat e-mel; dan/atau (iv) butir-butir lain anda atau wakil diberi kuasa anda yang direkod dengan CIMB (secara kolektif "**Butiran Peribadi**"), untuk memastikan semua surat-menyurat dan/atau komunikasi disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

8. Lain-lain

- 8.1 Masa hendaklah menjadi perkara mustahak tetapi kegagalan CIMB dalam menjalankan atau penangguhan dalam menjalankan atau menguatkuasakan hak, kuasa, kelebihan atau remedinya terhadap anda tidak akan beroperasi sebagai penepian daripadanya atau sebarang pelaksanaan sebahagian apa-apa hak, kuasa, kelebihan atau remedii memperjudis atau menjelaskan hak CIMB untuk bertindak seterusnya secara tegas.
- 8.2 Ketidaksahanan, ketidaksahtihan atau ketidakbolehkuatkuasakan mana-mana terma-terma di sini tidak akan menjelaskan kesahan, kesahihan atau kebolehkuatkuasakan terma-terma dan syarat-syarat lain di sini.
- 8.3 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada, diawal oleh dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan peraturan, peruntukan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, dan badan pengawal selia lain yang berkenaan yang CIMB tertakluk kepada. Anda hendaklah menyerah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.
- 8.4 Hak dan kelayakan CIMB di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan memberi kesan dan akan terus berkekalan setelah sebarang penamatan atau penggantungan apa-apa perkhidmatan, manfaat dan/atau kelebihan oleh CIMB di bawah Pakej dan/atau Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work.
- 8.5 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan terus menjadi sah dan mengikat walaupun:
- (a) sebarang pindah milik atau penyerahhakkan perniagaan, operasi, aset atau liabiliti CIMB;
 - (b) sebarang perubahan dalam CIMB atau mana-mana syarikat di mana perniagaan CIMB boleh dibuat pada masa ia dijalankan;
 - (c) sebarang perubahan melalui percantuman, pembinaan semula, penyatuan, penggabungan atau sebaliknya, yang boleh dilakukan di bawah perlembagaan atau Akta Syarikat 2016 atau sebarang peruntukan undang-undang sepadan yang CIMB atau anda tertakluk kepada; dan/atau
 - (d) pembubarannya.
- 8.6 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah terikat pada waris, wakil peribadi dan pengganti hakmilik anda dan CIMB masing-masing.
- 8.7 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tambahan dan tertakluk kepada mandat dan terma-terma dan syarat-syarat mengawal operasi Akaun Semasa Perniagaan/-i CIMB yang anda mengekalkan dengan CIMB.



CIMB Bank Berhad (197201001799)



CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872)

- 8.8 Di mana konteks mengakui, perkataan yang menunjukkan nombor tunggal hendaklah termasuk nombor jamak dan begitu juga sebaliknya, perkataan yang menunjukkan jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter dan begitu juga sebaliknya.
- 8.9 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah sebagai tambahan kepada dan bukan mengurangkan sebarang aturan khusus berkenaan dengan penggunaan perkhidmatan, manfaat dan/atau kelebihan yang ditawarkan di bawah Pakej sekarang atau selepas ini wujud antara CIMB dan anda atau mana-mana terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam mana-mana surat atau notis yang diberikan oleh CIMB kepada anda dari semasa ke semasa.
- 8.10 Anda dinasihati untuk membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat penggunaan Perkhidmatan BusinessHR, Penggunaan Untuk Perkhidmatan BusinessHR dan Soalan Lazim BusinessHR yang disedia ada melalui laman web CIMB.
- 8.11 Hak dan kewajipan anda di sini tidak boleh diberikan untuk apa-apa jua sebab.
- 8.12 Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, konflik atau percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan terma-terma dan syarat-syarat mengawal Akaun Semasa Perniagaan/-i CIMB anda, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan diguna pakai setakat yang berkaitan dengan Pakej.
- 8.13 Untuk sebarang aduan berkaitan dengan Pakej, anda boleh menghubungi Jabatan Resolusi Pelanggan CIMB di alamat, nombor telefon dan alamat emel berikut (atau alamat, nombor telefon dan alamat emel lain yang CIMB boleh ubah melalui pemberitahuan kepada anda):

Alamat : Unit Resolusi Pelanggan,
Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
Nombor Telefon : 603-6204 7788
Alamat Emel : cru@cimb.com